



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PERBICARAAN KES JENAYAH SECARA SIDANG VIDEO BAGI MAHKAMAH  
PERSEKUTUAN DAN MAHKAMAH RAYUAN DI SABAH DAN SARAWAK**

Semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasa bermula 18 Mac 2020 yang lepas, Badan Kehakiman Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan akses kepada keadilan dapat dilaksanakan dengan mengambil pendekatan penggunaan teknologi secara optimum terutama dari segi teknologi dalam talian. Perbicaraan kes secara sidang video adalah antara norma baharu yang dilaksanakan dan ianya sentiasa berkembang dan diperluaskan sejajar dengan keperluan semasa dan kepentingan pemegang-pemegang taruh (*stakeholders*)

Bermula dengan pengenalan pendengaran kes secara dalam talian bagi kes sivil bermula pada bulan Mac 2020, mediasi secara dalam talian pada 2 Jun 2020, pendengaran kes Mahkamah Persekutuan secara *e-appellate* pada 9 Jun 2020, pendengaran permohonan petisyen kemasukan Peguambela dan Peguamcara secara dalam talian pada 10 Jun 2020, pendengaran kes sivil secara sidang video bagi Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak pada 15 Jun 2020, Badan Kehakiman Malaysia mencipta sejarah lagi dengan memperkenalkan Pendengaran Kes Jenayah Secara Sidang Video bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak masing-masing bermula pada 9 Julai 2020 dan 13 Julai 2020.

Perbicaraan sidang video bagi kes Jenayah ini akan menggunakan perisian *Zoom* dan akan dikendalikan di tempat-tempat yang berikut:

- a) Panel Hakim Persidangan akan bersidang di Istana Kehakiman, Putrajaya;

- b) Banduan akan dibawa ke Mahkamah yang berhampiran dengan lokasi penjara di mana banduan ditempatkan; dan
- c) Timbalan Pendakwa Raya dan Peguambela akan berada di lokasi Mahkamah bersama-sama di mana banduan dibawa.

Perbicaraan kes jenayah secara sidang video bagi Mahkamah Persekutuan akan bermula pada 9 Julai 2020 di Mahkamah Persekutuan di Kota Kinabalu. Terdapat dua (2) kes rayuan jenayah yang akan didengar iaitu rayuan terhadap sabitan dan hukuman mati di bawah seksyen 39(B) (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Banduan yang ditempatkan di Penjara Kota Kinabalu akan dibawa ke Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu. Timbalan Pendakwa Raya dan Peguambela juga akan berada di lokasi yang sama bersama banduan manakala Panel Hakim Persidangan Mahkamah Persekutuan akan berada di Mahkamah Teknologi, Istana Kehakiman Putrajaya.

Manakala, perbicaraan kes jenayah secara sidang video bagi Mahkamah Rayuan pula akan bermula pada 13 Julai 2020 di Mahkamah Rayuan di Kuching. Terdapat 7 (tujuh) kes rayuan jenayah yang akan didengar iaitu kes di bawah Seksyen 395 Kanun Keseksaan, Seksyen 379A Kanun Keseksaan, Seksyen 354 Kanun Keseksaan (4 kes didengar bersama) dan Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Kesemua banduan yang ditempatkan di Penjara Puncak Borneo, Kuching akan dibawa ke Kompleks Mahkamah Kuching. Sama seperti prosedur di Mahkamah Persekutuan, Timbalan Pendakwa Raya dan Peguambela akan berada bersama di lokasi banduan berada manakala Panel Hakim Persidangan Mahkamah Rayuan akan bersidang di Mahkamah Teknologi, Istana Kehakiman Putrajaya.

Badan Kehakiman Malaysia ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Peguam Negara, Pertubuhan Undang-Undang Sabah (SLS) dan Persatuan Peguambela Sarawak (AAS) serta Jabatan Penjara Malaysia atas sokongan padu yang telah diberikan dalam melaksanakan Perbicaraan Kes Jenayah Secara Sidang Video bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak ini. Badan Kehakiman Malaysia percaya dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan masih berkuat kuasa, inisiatif ini dapat mempercepatkan pendengaran rayuan kes terutama melibatkan kes-kes hukuman mati dan rayuan jenayah di peringkat Mahkamah atasan, menjimatkan masa dan kos logistik dan yang paling utama dapat

memanfaatkan teknologi bagi kesinambungan akses kepada keadilan untuk pemegang-pemegang taruh dan juga orang ramai.

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 8 Julai 2020**